



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

26 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

Lagi kes kucing, anjing mati: Siswa UM bangkitkan isu keselamatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysiakini	Berita	Online	26 Dis



Satu lagi laporan dibuat mengenai insiden kucing jalanan dibunuhi di Universiti Malaya (UM).

Menurut kumpulan pelajar NewGen UM, kejadian keempat ini berlaku pada 7.15 petang semalam di Fakulti Sains Sukan, Pusat Sukan UM.

Kumpulan tersebut berkata mereka berulang kali membuat aduan dan laporan kepada pihak polis serta pengurusan UM sejak kes pertama bagi mendesak tindakan segera diambil untuk memastikan keselamatan semua makhluk hidup di kampus itu.

"Namun, sehingga kini, tiada sebarang perkembangan dalam siasatan atau tangkapan suspek, yang mendedahkan ketidakcekapan melampau dan sikap tidak peduli pihak polis dan pihak universiti dalam menangani insiden seperti ini," kata kumpulan itu dalam kenyataan semalam.

Siasatan polis berdasarkan rakaman CCTV mendapati kematian beberapa ekor kucing di kampus berpunca daripada serangan sekumpulan anjing liar.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR